

# Tidak tertekan kehadiran Dr. M

UM - 20/1/2019 ml: 6

## CAMERON HIGHLANDS 19 Jan.

- Calon Barisan Nasional (BN), Ramli Mohd. Nor tidak tertekan dengan kedatangan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk membantu kempen Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Cameron Highlands.

Menurutnya, beliau akan meneruskan kempen seperti biasa walaupun Dr. Mahathir dijadual turun berkempen di sini pada saat akhir iaitu 25 Januari ini.

“Mengapa saya perlu tertekan? Saya orang kecil dan Orang Asli sahaja,” katanya ketika ditemui pemberita selepas bertemu para pengundi di Ringlet di sini hari ini.

Ramli berkata, memasuki minggu kedua kempen, beliau akan memperkembangkan kempen di seluruh kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Menurutnya, kempen dijalankan melalui program ramah mesra bersama orang ramai, bertemu dan menyapa mereka selain memahami permasalahan yang dihadapi masyarakat setempat.

“Kempen yang dijalankan jentera BN bersama parti-parti



**RAMLI MOHD. NOR** berkempen dengan bertemu pengundi di Ringlet, Cameron Highlands, Pahang, semalam.

kompenn lain dilakukan secara bersih dan saya positif dengan reaksi penduduk terhadap saya baik setakat ini,” katanya.

Sementara itu, Ramli turut beramah mesra dengan calon Bebas, Wong Seng Yee yang turut berkempen di lokasi sama.

Ramli berkata, beliau tidak menyangka berjumpa dengan

Seng Yee ketika berkempen hari ini.

“Calon Bebas ini dan masyarakat di Ringlet adalah kawan-kawannya kerana beliau merupakan orang tempatan. Ramai penduduk di sini kawan-kawan saya sejak kecil, jadi saya tidak kekok bersama mereka,” katanya.